

Kunjungi Pameran Graduan Aspire, esok

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

PENYERTAAN syarikat terkemuka seperti Naza World, Maybank, Celcom Axiata, SapuraKencana Petroleum, Dell, ExxonMobil, Sime Darby dan Teach For Malaysia dijangka menjadi tarikan pengunjung Pameran Graduan Aspire 2012 yang bakal berlangsung selama dua hari bermula esok.

Ditambah dengan pengisian pelbagai aktiviti menarik sepanjang pameran, Graduan selaku penganjur yakin jumlah pengunjung dijangka meningkat berbanding 12,500 pengunjung pada pameran sama, tahun lalu.

Pengarah Urusan Graduan, Elia Talib, berkata sambutan tahun lalu sangat menggalakkan dengan penyertaan 60 syarikat terkemuka, begitu juga dengan penganjuran sama di United Kingdom pada tahun sebelumnya dengan kehadiran kira-kira 2,000 pelajar Malaysia yang menututi di luar negara memberi sokongan.

Katanya, pameran itu juga bakal menyaksikan peranan besar majikan di negara ini apabila berpeluang mendapatkan respon pengunjung khususnya graduan dan mahasiswa mengenai syarikat masing-masing

menerusi undian majikan pilihan yang dianjurkan penganjur.

"Peluang ini wajar direbut graduan dan mahasiswa untuk mengintai peluang kerjaya ditawarkan majikan berkenaan selain bersedia untuk menghadapi arus pekerjaan global dengan meninjau pekerjaan dan 'internship' yang ditawarkan syarikat terbabit bukan saja dalam bidang berkaitan kursus yang diambil, tetapi juga bidang lain.

"Mahasiswa yang sedang mencari pekerjaan seharusnya membuat persiapan secukupnya sebelum memulakan langkah 'memasarkan' diri mereka di pasaran kerja. Graduan juga perlu peka apakah kehendak pasaran pekerjaan yang terkini dan bidang apakah yang menawarkan banyak peluang yang



GRADUAN dan mahasiswa berpeluang mengetahui pelbagai saluran kerjaya kerjaya ditawarkan majikan, selain bersedia untuk menghadapi arus pekerjaan.

baik untuk diceburi," katanya.

Penyertaan 13 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UITM), Universiti Kebangsaan

Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Petronas dan Melbourne University pula membolehkan pengunjung mendapatkan maklumat tepat mengenai program pendidikan peringkat pascasiswazah

yang ditawarkan IPT terbabit.

Elia berkata, graduan dan mahasiswa boleh menerokai pilihan pengajian pendidikan mereka di Malaysia atau di luar negara sebelum membuat keputusan yang bijaksana dalam melanjutkan pembelajaran mereka.

"Dengan meningkatkan taraf pendidikan, mereka bukan saja

berupaya menambah pendapatan malah membantu Malaysia mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju," katanya.

Antara aktiviti yang bakal berlangsung ialah Graduan Aspire 300 Conference, segmen klinik dan bengkel berkaitan komunikasi interpersonal, penulisan resume dan penataan diri selain peluang membangunkan video resume.

Bagi merencanakan lagi pameran berkenaan, acara cabutan bertuah turut diadakan dengan gajet elektronik misalnya Ipad, Ipod Shuffles dan kamera disediakan sebagai hadiah kepada pengunjung bertuah.

Berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur, pameran dibuka kepada pengunjung bermula jam 2 petang hingga 8 malam pada hari pertama dan 12 tengah hari hingga 6 petang pada keesokannya.

Pengunjung digalakkan membuat prapendaftaran dan memuat turun resume masing-masing di laman web Graduan <http://aspire.graduan.com.my>.